

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.03.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada juruaudit Parker Randall akan membuat pengauditan semula penyata kewangan 1MDB untuk tahun Mac 2013 dan 2014 di mana pengesahan telah di tarik balik oleh bekas juruaudit Deloitte. Bilakah 1MDB akan mengemukakan Penyata Kewangan untuk tahun 2015 dan 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1Malaysia Development Bhd (1MDB) melalui siaran media pada 26 Julai 2016 telah menjelaskan bahawa Lembaga Pengarah 1MDB telah mengkaji dan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai

kandungan saman sivil Jabatan kehakiman Amerika Syarikat ("DOJ").

Tuan Yang Dipertua,

Sebarang keputusan mengenai pengauditan semula Penyata Kewangan Beraudit 1MDB yang lepas akan dibuat selepas perbincangan lanjut dengan juruaudit baharu.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") telah memberikan lanjutan masa sehingga 31 Mac 2017 kepada 1MDB untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan meluluskan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015 dan 31 Mac 2016.